

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG GANDUM [JULAU]****TARIKH : 9.11.2017****SOALAN :**

Datuk Joseph Salang Gandum [Julau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nama-nama sekolah rendah kurang murid dan usang yang bakal disatukan di kawasan Parlimen Julau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bercadang untuk menggabungkan 16 buah Sekolah Kurang Murid (SKM) di Parlimen Julau kepada empat (4) buah pusat penggabungan SKM. SK Nanga Babai akan menjadi satu pusat penggabungan melibatkan tiga (3) SKM iaitu SK Nanga Buku, SK Ulu Pedanum dan SK Nanga Pedanum. Pusat yang kedua ialah SK Nanga Wak, yang menggabungkan SK Nanga Semawang, SK Ulu Manding dan SK Nanga Kedup. Manakala SK Nanga Meluan merupakan pusat penggabungan SKM ketiga yang melibatkan SK Nanga Kelangas, SK Nanga Merurun, SK Nanga Meluan dan SK Nanga Entabai. Selain daripada itu, SK Nanga Kara dijadikan pusat penggabungan SKM keempat, yang terdiri daripada SK Nanga Dayu, SK Ulu Etaih dan SK Nanga Kota.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM, KPM akan memberi pertimbangan sewajarnya kepada segala input dan pandangan daripada ibu bapa dan masyarakat setempat berhubung penggabungan SKM yang terlibat.

RJM45